

15 DEC 2002  
Labuan-Kapal

#### SEGERAKAN PERSIAPAN UNTUK JADIKAN LABUAN PUSAT PENDAFTARAN KAPAL

KOTA KINABALU, 15 Dis (Bernama) -- Anggota Parlimen Labuan Datuk Suhaili Abdul Rahman meminta kerajaan Pusat supaya menyegerakan persiapan untuk menjadikan Labuan sebagai Pusat Pendaftaran Kapal Antarabangsa.

Beliau berkata langkah itu perlu bagi membantu menjana ekonomi di pulau bebas cukai itu, sekaligus memberi manfaat kepada rakyat di kawasan berkenaan.

Ia juga selaras dengan status Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, katanya kepada pemberita ketika ditemui di rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri di sini.

Ketika membentangkan Bajet 2003, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan agar Labuan dijadikan sebagai Pusat Pendaftaran Kapal Antarabangsa sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan memajukan Wilayah Persekutuan Labuan.

"Ini adalah satu cadangan yang baik, dan oleh itu kita berharap pelaksanaannya dapat dipercepatkan untuk memajukan lagi sektor ekonomi di Labuan," kata Suhaili.

Mengenai program pembasmian kemiskinan, Suhaili menyarankan supaya peruntukan pembinaan rumah seunit di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dinaikkan dari sekitar RM11,400 ke RM20,000.

Katanya ini kerana kadar yang diperuntukkan sekarang tidak lagi mencukupi untuk menyediakan rumah yang sesuai kepada mereka yang tergolong sebagai penduduk termiskin.

"Kos untuk membina rumah PPRT termasuk pembelian bahan binaan dan bayaran kepada kontraktor telah meningkat, maka sesuai kalau kadar yang ada sekarang dinaikkan sehingga RM20,000," kata beliau lagi.

Suhaili berkata sebanyak 30 unit rumah untuk golongan termiskin telah dibina di Labuan dengan kos setiap unit RM20,000 menggunakan dana yang diperuntukkan bagi setiap kawasan Parlimen.

"Jumlah rakyat yang memerlukan kemudahan perumahan PPRT di Labuan agak kecil. Bagaimanapun, kita akan cuba memastikan supaya sekurang-kurangnya 10 buah rumah PPRT dapat disediakan setiap tahun untuk kemudahan rakyat yang memerlukannya," kata beliau.

-- BERNAMA

NT ROS